Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia

# Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang

# KUKUM

28 April 2004
Dewan Sivik, Arau, Perlis

*"Terus Mengemudi Tenaga dan Upaya"*

# Daulat Tuanku

**Semoga Allah Lanjutkan Usia**
**D.Y.M.M. Tuanku Canselor KUKUM**
**Dan**
**D.Y.T.M. Raja Puan Muda Perlis**



DULI YANG MAHA MULIA TUANKU SYED FAIZUDDIN PUTRA
IBNI DULI YANG MAHA MULIA TUANKU SYED SIRAJUDDIN JAMALULLAIL
D.K., S.P.M.P
TUANKU CANSELOR KUKUM



DULI YANG TERAMAT MULIA TUANKU HAJAH LAILATUL SHAHREEN AKASHAH

S.P.M.P.

RAJA PUAN MUDA PERLIS

# MISI

Merealisasikan aspirasi negara dan menyumbang kepada ketamadunan dunia

# VISI

Menjadikan institusi akademik dan penyelidikan yang bertaraf dunia bagi menjana pemimpin terbilang negara

# MOTO

ILMU KEIKHLASAN KECEMERLANGAN

# MATLAMAT & FALSAFAH

Program Sarjana Muda Kejuruteraan di KUKUM mempunyai matlamat untuk menghasilkan graduan kejuruteraan yang berketerampilan dalam pelbagai bidang strategik yang berupaya mencari penyelesaian kepada pelbagai bentuk masalah menerusi pemikiran yang inovatif. Program kejuruteraan yang dijalankan di Universiti ini menitikberatkan kepada pendekatan 'lab-intensive', iaitu dengan memberi lebih penekanan kepada aspek amali. Kursus-kursus yang ditawarkan juga menyatukan teori dan amali mengikut keperluan industri. Semasa mengikuti program akademik, pelajar juga akan dibekalkan dengan kemahiran berkomunikasi, keusahawanan, pengurusan, perakaunan, ko-kurikulum dan pembangunan sahsiah. Pelajar juga diwajibkan mengikuti kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia. Ini bertujuan untuk melahirkan jurutera yang bukan sahaja cekap dalam bidang kejuruteraan yang mereka ikuti, tetapi juga berkebolehan untuk berdikari serta mempunyai sikap yang mulia dan terpuji.



# KATA-KATA ALUAN REKTOR



Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum wbt dan salam sejahtera.

Syukur ke hadrat Ilahi di atas limpah dan kurniaNya dapat kita berkumpul dalam Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia 2003 untuk kali ke-2.

Terlebih dahulu saya bagi pihak seluruh warga KUKUM merafak sembah menjunjung kasih di atas keberangkatan D.Y.M.M. Tuanku Canselor KUKUM dan D.Y.T.M. Raja Puan Muda Perlis. Ucapan terima kasih juga khas buat tetamu-tetamu yang hadir pada majlis penganugerahan ini, terutamanya kepada Y.A.B. Dato' Seri Shahidan Kassim, Menteri Besar Perlis dan Y.A.Bhg. Datin Seri.

Saya mengambil kesempatan merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada semua staf yang telah berjaya mendapat Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, Anugerah Khas Perkhidmatan Cemerlang dan Anugerah Khas Staf pada kali ini.

Seperti yang kita sedia maklum, majlis penganugerahan yang diadakan ini adalah khusus meraikan penerima-penerima anugerah, yang saya percaya bukan sahaja akan memberi perangsang dan motivasi kepada mereka tetapi juga kepada semua staf yang lain untuk berazam mempertingkatkan kecemerlangan diri masing-masing dalam semua bidang.

Saya mengharapkan semua warga KUKUM akan memberikan komitmen yang tinggi dan juga proaktif dalam menjalankan tugas demi meletakkan KUKUM setaraf dengan universiti-universiti cemerlang yang lain.

Akhir kata, sekali lagi saya mengucapkan tahniah kepada semua penerima anugerah dan ucapan setinggi-tinggi terima kasih bagi pihak yang menjayakan majlis penganugerahan ini.

Sekian. Wassalam.

Lt. Kol. Prof. Dr. Kamarudin Hussin
Rektor

# KERATAN AKHBAR



BERSEMANGAT...Rosnah (tengah) bersama penuntut Kukum dan penduduk selepas merasmikan program Siswa Masuk Kampung di Kampung Telok, Sungai Petani, baru-baru ini.

# KUKUM AJAR KOMPUTER

## 44 pelajar turut sertai aktiviti kemasyarakatan

Teks dan gambar
Fauzi Rahim Mustafa
@hmetro.com.my

SERAMAI 44 penuntut jurusan Kejuruteraan Komputer dan Per-...



SANI...asas



ISMAIL...penting

## KUKUM bukukan ucapan Dr. M berkaitan kejuruteraan

KANGAR 1 Nov. – Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM) akan membukukan semua ucapan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mahamad yang berkaitan kejuruteraan dan senibina sebagai inspirasi kepada rakyat terutama pelajar.

Rektor KUKUM, Profesor Dr. Kamarudin Hus...

## Kukum aims to be world-class varsity

The Northern Malaysia University College of Engineering (Kukum) in Kangar plans to become a world-class public institution of higher learning with the completion of its main campuses in Pauh and Titi Tinggi by 2006.

Kukum rector Prof Dr Kamarudin Husin said the university would improve the quality of its degree programmes besides offering modern facilities with the aim of attaining international standard.

He said each of the main campus would cover 600ha, adding that Kukum was formed by the Education Ministry to meet the national industrial master plan where there was a need to fill 137,000 vacancies for skilled engineers in future.

Prof Dr Kamarudin was speaking to under-...



# HARI KELUARGA KUKUM MERIAH







DR. Kamarudin Hussin (tengah) merasmikan logo Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM) di Dewan Warisan, Kangar semalam.

## KUKUM bertekad bekalkan ramai jurutera elektronik mahir

## Kampus tetap KUKUM beroperasi 2007

KANGAR 10 Jan. – Kampus tetap Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM) dijangka beroperasi sepenuhnya pada tahun 2007 apabila kerja-kerja pembinaannya telah dimulakan sejak sebulan lalu.

Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim berkata, pembinaan itu melibatkan kampus induk di Hulu Pauh dekat sini di atas tapak seluas 400 hektar manakala kampus cawangannya di Titi Tinggi, Padang Besar pula di atas tapak seluas 120 hektar.

Katanya, pembinaan kampus bernilai RM700 juta itu berjalan lancar seperti yang dijadualkan dan apabila siap kelak, KUKUM bakal beroperasi sepenuhnya sebagai kolej universiti yang pertama di negeri ini.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyampaikan wang pampasan berjumlah RM8.7 juta kepada lebih 50 penduduk Hulu Pauh yang terlibat dalam pengambilan tanah mereka untuk pembinaan kampus tersebut di pejabatnya di sini hari ini.